

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hujan lebat berterusan di Sarawak	Utusan Malaysia
2.	Amaran hujan lebat di Sarawak	Bernamea.com
3.	Orange alert in 4 divisions	New Straits Times
4.	Floods in Sarawak worsen, two still missing	The Star
5.	Low possibility of second wave floods in east coast	The Sun
6.	Banjir di Sarawak semakin buruk	Kosmo
7.	Sedia hadapi gelombang kedua	Sinar Harian
8.	Cabaran dunia siber	Berita Harian
9.	Manfaatkan teknologi gelas getah seismik	Harian Metro
10.	Sains dan teknologi : Demi masa depan lebih baik bagi negara	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 28
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)

Hujan lebat berterusan di Sarawak

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Hujan lebat dijangka berterusan melanda beberapa kawasan di Sarawak sehingga Selasa dan penduduk dinasihatkan supaya berjaga-jaga kerana kemungkinan berlaku lagi banjir di kawasan-kawasan rendah.

Pengarah Pusat Ramalan Jabatan Meteorologi, Muhamad Helmi Abdullah berkata, hujan lebat peringkat jingga akan berlaku di empat daerah di Bumi Kenyalang iaitu Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Mukah.

"Penduduk di kawasan rendah dinasihatkan supaya berhati-hati kerana banjir boleh berlaku di kawasan tersebut.

"Bot-bot nelayan yang kecil dinasihatkan supaya tidak turun ke laut buat masa ini kerana keadaan laut agak bergelora," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, Muhamad Helmi memberitahu, hujan lebat peringkat kuning turut dijangka melanda Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu dan Miri.

"Sepanjang tempoh itu, hujan sekejap-sekejap, kadangkala lebat dari semasa ke semasa akan berlaku di kawasan-kawasan terbabit," katanya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)



Amaran Hujan Lebat Di Sarawak

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) pada Isnin mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa kawasan di Sarawak yang dijangka berterusan sehingga Selasa.

Menurut kenyataan jabatan itu, hujan secepat-sekejap kadangkala sederhana tersebut dijangka berlaku di Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Mukah.

Selain itu, amaran hujan lebat peringkat kuning dikeluarkan bagi beberapa daerah di Betong, Sarikei, Sibul, Bintulu dan Miri yang dijangka berterusan hingga esok.

Menurut kenyataan itu keadaan tersebut akan menyebabkan banjir di kawasan-kawasan rendah.

-- BERNAMA

Orange alert in 4 divisions

HEAVY RAIN: Najib expresses concern for Sarawak flood victims

FAZLEENA AZIZ
KUALA LUMPUR
fazleena@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Najib Razak yesterday offered his prayers and concern for those affected by floods in Sarawak.

"I pray that Allah will ease and relieve flood victims in Bintulu, Miri and other parts of the state of the burden," said Najib in his Twitter post.

The Meteorological Department has issued an Orange alert for divisions of Kuching, Samarahan, Sri Aman and Mukah as heavy rain is expected to continue until today.

Its weather forecast centre director, Muhammad Helmi Abdullah, said despite the moderate intensity, the condition would cause floods in low-lying areas due to continuous rain.

"We have issued a Yellow alert for divisions of Betong, Sarikei, Sibul, Bintulu and Miri, which is expected to persist until tomorrow (today) as well as there are intermittent rain.

"High tide is also expected until Jan 6, which can be a contributing factor should the condition worsens in the affected places."

Helmi said the weather was looking good in the east coast but rough seas condition had been issued for all the coastal areas in the country.

In the South China Sea, strong winds and rough seas have been upgraded to third category, with winds over 60kph and waves more than 5.5 metres occurring in the waters off Kelantan, Terengganu, Pahang and east Johor. This is ex-



Continuous heavy rain has caused floods in low-lying areas in Jalan Puncak Borneo, 40km from Kuching. Pic by Mas Adib Saie

pected to continue until today.

The department has also issued thunderstorm warning occurring in the waters off Sarawak, Labuan and Sabah (Kudat and Sandakan) yesterday.

In Kuching, Bernama reports that landslides triggered by heavy rain for almost a week have cut off road links to several areas in the Miri and Mukah divisions.

The road link between a settlement in the Bakong sub-district and Miri had been cut off, Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu said after chairing a

meeting of the state Disaster Relief Committee.

He said the Public Works Department was clearing the roads of rubble to make them passable again.

Jabu said incessant rain had caused Sungai Batang Baram in Miri Division and Sungai Batang Kemena in Bintulu Division to burst their banks and flood low-lying areas.

"The committee, with the assistance of the relevant departments and agencies, has sent aid to the affected people."

Jabu said the heavy rain was common during the north-east monsoon season and this had caused a rise in the average rainfall recorded for the whole of the month. He said the situation was expected to continue until March.

The committee said 261 people from 60 households had been moved to relief centres in Miri and Bintulu divisions.

The Bintulu division had the highest number of evacuees at 222, followed by the Niah sub-district in Miri (34) and Marudi, also in Miri, (five).

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)

Raging waters:

A road at a housing estate in Bintulu has turned into a river. Seven areas were affected by the floods as the heavy rain continued unabated.



Floods in Sarawak worsen, two still missing

KUCHING: Following continuous rain, several areas in the state, including Sibu, Bintulu and Miri have been affected by floods.

Water levels at Batang Rajang River, Lupar River, Tatau River, Sarawak River and Baran River have breached the warning level.

In Bintulu, seven areas were affected by the floods as the heavy rain continued unabated, accompanied by gusts of wind.

Two people are still missing after a boat ferrying five people capsized in Sungai Sibiew on Sunday, while the others survived.

The areas that were flooded around Bintulu were Mile 5, Taman Beverly, Kg Kamunting, Taman Putrajaya, Jade Garden, Bandar Baru and Taman Desa Damai.

Meanwhile, the Meteorological Department is maintaining its orange alert for Kuching, Samarahan, Mukah

and Sri Aman and yellow alert for Sibu, Miri, Bintulu and Sarikei.

The orange alert means monsoon rain is currently occurring or expected to occur in the next 24 hours while the yellow warning denotes the possibility of a monsoonal surge within the next 48 hours.

Low possibility of second wave floods in east coast

BY **GUO BIYING**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Residents in the east coast can be somewhat relieved as the probability of a second wave of floods is relatively low.

Meteorological Department of Malaysia (MMD) spokesman told *theSun* that there are no signs indicating impending heavy rain that could cause a second wave of flood in Pahang, Terengganu, Kelantan and Johor.

Based on the weather forecast of the east coast

published by MMD, scattered and isolated rain as well as isolated thunderstorms are expected for the next seven days.

Although thunderstorms are expected in the sea off Perak, Selangor, Negri Sembilan, Malacca and West Johor, rain and thunderstorms in the Malacca Straits will not cause floods in the states.

For details, go to the MetMalaysia official website at www.met.gov.my or by contacting the National Weather Service at 03-79678116.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)

314 mangsa daripada 65 keluarga di Miri, Bintulu dan Bau dipindahkan

Banjir di Sarawak semakin buruk

Oleh MULLER ASEN
muller.asen@kosmo.com.my

KUCHING - Keadaan banjir di sekitar Sarawak semakin buruk semalam apabila seramai 314 mangsa daripada 65 keluarga

dari bahagian Miri, Bintulu dan Bau telah dipindahkan ke pusat pemindahan banjir apabila kediaman mereka dinaiki air.

Kesemua mangsa itu ditempatkan di empat pusat pemindahan banjir iaitu di Dewan Suarah Marudi, Sekolah Kebangsaan

Kampung Iran, Suai dan Dewan Suarah Bintulu dan Balai Raya Kampung Belimbing, Bau setakat pada pukul 5 petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, bahagian yang terjejas teruk ialah Bintulu melibatkan 222 mangsa diikuti Miri seramai 72 mangsa dan Bau pula 20 mangsa.

Menurutnya, keadaan hujan lebat yang berterusan menyebabkan air Batang Baram di Miri dan Batang Kemena di Bintulu melimpahi tebing dan membanjiri kawasan rendah.

"Jumlah mangsa banjir dijangka meningkat ekoran amaran hujan peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia berakhir esok (hari ini)," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri itu memberitahu, pihaknya telah mengenal pasti beberapa pangkalan hadapan bagi memudahkan Jabatan Ke-



ALFRED

bajikan Masyarakat negeri menyalurkan bantuan makanan dan barangan keperluan kepada mangsa banjir.

Mengenai jalan raya yang terjejas pula, beliau berkata, pada masa ini terdapat beberapa kawasan di Miri dan Mukah terputus hubungan jalan raya berikutan kejadian tanah runtuh.

Dalam pada itu, Jabu memberitahu, dua mangsa yang dilaporkan hilang akibat perahu dinaiki mereka karam di Sungai Sebiew, Bintulu petang kelmarin berjaya diselamatkan pasukan bomba dan penyelamat.



Sarawak pula dilanda banjir

KERATAN Kosmo! semalam



KEADAAN banjir di kawasan perumahan Padawan, Kuching, Sarawak semalam

Sedia hadapi gelombang kedua

MURNI ABDUL RASHID

KOTA BHARU – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan menempatkan 400 anggota dan kelengkapan keperluan di lokasi kemungkinan berlaku banjir sebagai persediaan menghadapi gelombang kedua.

Panglima 2 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Ahmad Shukuri Ahmad berkata, walaupun keadaan masih terkawal namun anggota terlibat akan ditempatkan di daerah berisiko.

Menurutnya, ATM bersiap sedia lebih awal dengan menumpukan perhatian di kawasan sering ditenggelami banjir, antaranya Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Rantau Panjang dan Kuala Krai.

“Kita akan sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga sehingga keadaan kembali normal dengan mengikuti perkembangan cuaca semasa daripada Jabatan Meteorologi. Jika perlu ATM sedia menambah kekuatan anggota.

“Malah peralatan kelengkapan lain seperti

bot juga ditempatkan di kawasan tersebut sebagai usaha melicinkan lagi operasi membantu mangsa banjir bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kita bukan hanya fokus untuk Kelantan sahaja, tetapi merangkumi negeri yang terdedah bencana tersebut,” katanya kepada media selepas majlis penyerahan sumbangan cek kepada dua keluarga wira terkorban ketika Ops Daulat Lahad Datu, Sabah.

Kedua-dua keluarga itu, masing-masing menerima RM30,000 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai menghargai jasa perwira yang terkorban.

Turut hadir, Panglima 8 Briged, Brigedier Jeneral Datuk Mohd Zaki Hamzah

Mac lalu, Allahyarham Koperal Ahmad Hurairah Ismail, 24, terkorban selepas ditembak pengganas Sulu dalam insiden di Sungai Nyamuk, manakala Allahyarham Koperal Ahmad Farhan Ruslan, 21, maut selepas trak tentera yang dipandunya terbabas ketika menghantar bekalan ke kawasan operasi.

Sementara itu, mengulas mengenai perwira yang terkorban dalam Ops Daulat dan operasi lain, Mohd Shukuri berkata, pusara mereka yang terkorban itu akan dijaga sebaik mungkin oleh pihak ATM.

“Kita hargai anggota yang terkorban di medan perang, bukan sahaja dalam Ops Daulat malah operasi lain kerana mereka berjuang demi keselamatan dan kedaulatan negara tercinta,” katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)

Oleh Noor Atiqah
Sulaiman
bfhnta@bh.com.my

Institusi keluarga hari ini sering berdepan pelbagai cabaran yang dikaitkan dengan masalah sosial seperti keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, jenayah berat, rogol, dan terbaru, melalui dunia siber.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, agensi lain yang berkaitan, serta Polis Diraja Malaysia (PDRM), masalah ini saban hari dilihat semakin membimbangkan.

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan laporan yang dikeluarkan **CyberSecurity Malaysia** yang menyatakan sebanyak 5,592 insiden berkaitan keselamatan siber dilaporkan kepada pusat bantuan Cyber999.

Gejala negatif

Daripada analisa berkenaan, separuh tahun pertama 2013 mendapati, jenayah penipuan adalah yang banyak dilaporkan, diikuti pencerobohan (*hack*) serta gangguan siber.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pemba-

Cabaran dunia siber

» Pendedahan kepada gejala negatif jejas emosi kanak-kanak, **undang pelbagai masalah sosial**



Pengunjung **mendengar penerangan** pada pameran Jabatan Penjara Malaysia sempena Seminar Remaja Perkasa Harapan Bangsa anjuran PUSPANITA di Putrajaya.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL / BH]

ngunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Dr Siti Norlaysia Ismail, berkata apa yang lebih membimbangkan adalah pendedahan kanak-kanak kepada gejala negatif yang dipaparkan dalam dunia siber.

"Norton Online Family Report turut melaporkan kanak-kanak di Malaysia menghabiskan purata 19 jam seminggu melayari internet, sedangkan ibu bapa mereka beranggapan kanak-kanak cuma menggunakan internet kira-kira 11 jam seminggu.

"Selain itu, laporan berkenaan juga mendapati hanya empat daripada 10 ibu bapa mengetahui apa yang diakses kanak-kanak dalam internet, manakala sembilan daripada 10 kanak-kanak di negara ini pernah terdedah dengan pengalaman negatif secara atas talian.

"Secara tidak langsung, senario ini memberikan kesan negatif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Remaja Perkasa Harapan Bangsa yang diadakan di Dewan Seri Endon, Puspapanituri di Putrajaya, baru-baru ini.

Seminar berkenaan bagi membantu memperkasakan dan melindungi keselamatan

ahli keluarga, selain bekerjasama mengatasi masalah sosial dan mencegah jenayah di kawasan setempat.

Dr Siti Norlaysia berkata, seminar berkenaan juga mampu melahirkan remaja yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif.

Lahirkan remaja berpengetahuan

"Dengan komitmen yang tinggi daripada peserta seminar ini, saya yakin mereka (remaja) akan menjadi penggerak ke arah transformasi minda dalam kalangan masyarakat dan membantu kerajaan mengelakkan generasi muda agar tidak terus menjadi mangsa jenayah," katanya.

Bagi Norlela Abd Hamid, 43, seminar itu sangat membantu kerana cara penyampaian penceramah agak berlainan dan 'kena' dengan jiwa remaja.

"Selalunya, anak-anak hanya bersemangat pada awal seminar, namun kali ini mereka masih duduk dalam tempoh yang lama dan khususnya mendengar ceramah yang diberikan.

"Ada juga saya menegur anak apabila menggunakan internet, tetapi ia seperti mencurahkan air ke daun keladi," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 46
TARIKH: 31 DISEMBER 2013 (SELASA)

Kuala Lumpur: Pemain industri dalam bidang getah disaran memanfaatkan teknologi galas getah seismik terutama bagi meningkatkan produktiviti khusus untuk segmen eksport.

Ketua Setiausaha Lembaga Penyelidikan Pembangunan Getah Antarabangsa (IRRDB) Datuk Dr Abdul Aziz SA Kadir berkata, ia dilihat mampu memacu ekonomi kerana ia adalah bidang yang dapat dikuasai selain hanya bergantung kepada getah asli sebagai produk industri tayar dan sarung tangan.

Katanya, penggunaan bahan itu penting bagi sektor

Manfaatkan teknologi galas getah seismik

pembinaan bukan saja dalam negara, tetapi di kawasan geografik antarabangsa yang memerlukan perlindungan kukuh infrastruktur bangunan, jambatan dan struktur lain seumpamanya.

"Sebanyak 75 peratus sumber getah asli digunakan dalam industri tayar, namun pemain industri khususnya dalam bidang pembuatan dan penghasilan getah perlu merebut peluang dalam membekalkan sumber ini ke negara yang memerlukan

termasuk Jepun, Greece, Iran, Algeria, Almeria dan negara yang berdepan dengan risiko bencana alam seperti gempa bumi.

"Kita sudah ada beberapa pemain industri yang berbuat demikian, namun skalanya perlu diperbesarkan kerana peluang dalam sektor ini cerah bagi membangunkan industri getah tempatan. Kita perlu lebih banyak promosi ke atas produk tempatan. Sebagai contoh, sebanyak 2,220 galas getah

seismik digunakan dalam projek Jambatan Pulau Pinang Kedua dihasilkan dalam negara yang mana menepati kod piawaian antarabangsa dan ia adalah struktur terbesar di dunia menggunakan teknologi ini," katanya.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Akademi Sains Malaysia (ASM) Datuk Dr Samudin Tugiman dan penerima Anugerah Sains Mahathir 2012 Profesor Emeritus James M Kelly dalam bidang Seni

Bina dan Kejuruteraan Tropika atas sumbangan signifikan beliau dalam pembangunan galas getah seismik yang digunakan untuk melindungi bangunan, jambatan dan struktur lain terhadap impak gegaran gempa bumi.

Dr Abdul Aziz berkata, ia bukan saja penting bagi kegunaan negara luar, tetapi boleh juga memanfaatkannya khususnya di kawasan berdekatan negara yang mempunyai risiko gempa bumi seperti di Borneo.



Sains Dan Teknologi: Demi Masa Depan Lebih Baik Bagi Negara

Oleh Nur Fadhliana Shaari & Azmir Sharifuddin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Sains dan teknologi, serta inovasi memainkan peranan besar bukan sahaja dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat tetapi juga memacu pembangunan negara.

Pelancaran Inisiatif Sains Untuk Tindakan (S2A) pada 1 Nov lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menunjukkan usaha luhur kerajaan untuk meningkatkan aplikasi sains dan teknologi, dan inovasi demi pembangunan industri negara.

Sains sebenarnya penting dan keperluan rakyat Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) semakin mendesak untuk membangun dan mewujudkan modal insan yang dapat terus berdaya saing bukan sahaja di Malaysia malahan seluruh dunia.

"Saya benar-benar berharap kita dapat menanamkan minat dalam kalangan pelajar terhadap sains bagi melahirkan saintis dan profesional yang disegani pada masa hadapan", kata Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Profesor Datuk Dr Asma Ismail, apabila ditemubual BERNAMA semasa Cabaran Sains Kebangsaan 2013 di Menara MATRADE baru-baru ini.

Keperluan bagi melahirkan lebih ramai saintis, jurutera, profesional perubatan dan inovator dilihat lebih mendesak lagi jika negara mahu berdiri setanding dengan negara maju lain.

SOKONGAN BAGI STEM

J. Hunter Farris, pengerusi ExxonMobil Subsidiaries di Malaysia, memberitahu BERNAMA bahawa sebagai sebuah syarikat berasaskan kepada teknologi yang sangat bergantung kepada mereka dengan kemahiran teknikal, pihaknya berasa terhormat untuk menyokong dan mempromosi program-program STEM bagi melahirkan lebih ramai saintis, penyelidik, jurutera dan inovator di negara ini pada masa hadapan.

Exxon percaya dan berharap program ini akan membuka mata para pelajar kepada hakikat bahawa sains adalah satu bidang yang menarik, seronok dan menguntungkan agar mereka menerima suntikan motivasi dalam meneruskan kajian dalam bidang ini", tambah beliau.

Tajaan ExxonMobil pada tahun ini adalah sumbangan terbesar syarikat sehingga kini bagi program pendidikan sains dan matematik di Malaysia. Di peringkat dunia, ExxonMobil banyak menghulurkan sokongan kepada program-program pendidikan STEM.

"Menerusi sokongan kami bagi program pendidikan sains dan matematik, ExxonMobil sedang melabur bagi masa depan muda-mudi Malaysia dan membantu menyediakan mereka menghadapi cabaran masa depan", kata Farris pada majlis penyampaian hadiah pertandingan sains itu.

METODOLOGI PENGAJARAN

Ibu bapa perlu mendedahkan anak mereka terhadap sains pada usia muda untuk memupuk minat dalam subjek itu. Bagaimanapun, mewujudkan minat terhadap sains dalam kalangan generasi muda bukan sahaja menjadi tanggungjawab ibu bapa, tetapi juga guru, media dan masyarakat amnya.

"Sains juga adalah mengenai penyelidikan, kaedah-kaedah eksperimen serta pemikiran kritikal, sebab itulah pendidik dan ibu bapa perlu mengajar sains dalam cara kreatif", tambah Dr Asma Ismail.

Kaedah pengajaran juga perlu seiring dengan kemajuan teknologi masa kini dan para guru perlu lebih kreatif untuk menarik minat pelajar yang sudah biasa dengan teknologi terkini.

PERTANDING SAINS KEBANGSAAN 2013

NSC adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh [Akademi Sains Malaysia \(ASM\) dan ia diperakui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) dan Kementerian Pendidikan.

Acara itu bertujuan membantu mempromosi, menggalak dan menanam minat terhadap sains di peringkat awal lagi dengan menjadikan sains mata pelajaran yang menyeronokkan selain berciri interaktif di luar sekolah dan buku teks.

Untuk menggalak pelajar berminat terhadap sains dan teknologi di samping muncul sebagai pemikir kritis, NSC juga mahu menggalakkan pemimpin-pemimpin masa depan memilih kerjaya dalam sains, teknologi dan inovasi.

Ia juga adalah platform hebat untuk menggalakkan para pelajar lebih inovatif dan interaktif bagi mendalami mata pelajaran itu selain meraih sokongan ibu bapa untuk menggalakkan anak mereka menyertai pertandingan itu.

PERTANDINGAN

Dimulakan pada 1983 dan diambilalih ASM pada 1999, pertandingan ini adalah antara pertandingan popular dalam kalangan pelajar. Lebih 14,000 permohonan diterima dari seluruh Malaysia pada tahun ini.

NSC 2013 dianjurkan dengan kerjasama ExxonMobil Subsidiaries di Malaysia, bersama sokongan daripada Kementerian Pendidikan, Jaringan Saintis Muda ASM dan Universiti Putra Malaysia.

Peringkat paling mencabar pertandingan itu adalah semasa kem sains di mana peserta perlu melalui satu siri cabaran seperti menjalankan penyelidikan dan membuat penyampaian, kuiz dan menulis laporan.

Jaringan Saintis Muda menyumbangkan kepakaran mereka daripada segi pengetahuan dan kandungan program untuk memastikan persaingan lebih menarik bagi para peserta.

Tahun ini, empat pasukan pelajar Tingkatan 4 dari seluruh negara berkumpul di Pusat Konvensyen dan Pameran Matrade untuk menguji pengetahuan masing-masing bagi memenangi Piala Pusingan Perdana Menteri.

PESERTA AKHIR

Para peserta akhir adalah daripada Kolej Yayasan Saad (Melaka), Sekolah Menengah Kebangsaan St. Michael (Perak), Sekolah Menengah Kebangsaan St. Joseph (Sarawak) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mewah (Negeri Sembilan).

Tahun ini pasukan yang menang menerima hadiah utama akan ke Stockholm, Sweden untuk menyaksikan majlis berprestij penyerahan Hadiah Nobel. Hadiah utama itu disampaikan tetamu kehormat P. Kamalanathan, yang juga Timbalan Menteri Pendidikan dengan disaksikan oleh Farris.

Nur Fatimah Athira Muhammad bersama anggota pasukan yang lain dari Kolej Yayasan Saad Melaka - Muhammad Haris Danial Mohd Anwar dan Amir Fariq Anuar - mengatasi pencabar lain untuk membawa pulang Piala Pusingan Perdana Menteri dan hadiah lawatan sambil belajar ke Stockholm.

"Kami rasa kesemua sekolah perlu laksana program kem sains yang membabitkan banyak eksperimen dan perkara-perkara praktikal untuk membolehkan pelajar melihat bagaimana seronoknya sains", kata Nur Fatimah.

Ketiga-tiga mereka menyaksikan majlis penyampaian Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden pada 10 Dis dan acara-acara berkaitan di situ.

-- BERNAMA